

06 SEP 2003

BSKL-MINGGUAN/I

SAHAM BSKL JANGKA SAKSI TREND MEMBERANGSANGKAN MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) kemungkinan menyaksikan trend meberangsangkan minggu depan di celah-celah sentimen positif ekonomi domestik dan jangkaan menjelang pembentangan Bajet 2004, kata seorang penganalisis.

Minggu depan, pasaran mempunyai banyak rangsangan yang belum lagi diserap sepenuhnya, kata beliau.

"Oleh yang demikian, kami merumuskan yang kemungkinan terdapatnya sokongan susulan ... tidak semestinya secara besar-besaran tetapi momentum secara keseluruhannya adalah dalam mode yang positif."

Beliau berkata tinjauan positif Tabung Kewangan Antarabangsa mengenai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia tahun 2004 akan terus merangsangkan pasaran tempatan. Pengarah Urusan IMF, Dr Horst Kohler telah mensasarkan KDNK Malaysia melebihi lima peratus.

Berita-berita lain yang turut memberi semangat minggu ini ialah laporan menggalakkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu berhubung ekonomi negara.

Malaysia dengan infrastrukturnya yang tiada bandingan, fundamental yang kukuh dan kerajaan yang stabil, telah bersedia untuk menjadi benefisiari utama kepada lantunan semula yang dijangkakan berlaku dalam pelaburan asing langsung (FDI), demikian menurut Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad) dalam Laporan Pelaburan Dunia 2003nya.

Ia turut menyatakan yang Malaysia mampu bersikap berpilih mengenai FDI yang bakal datang, memilih yang mana bersesuaian dengan rancangan induk ekonomi negara.

"Secara tradisional, pasaran akan memperlihatkan rali pra-bajet memandangkan para pelabur akan melabur ke atas kaunter-kaunter yang dianggap boleh mendapat keuntungan daripada bajet berkenaan, dan dengan berita-berita gembira ini, pasaran mempunyai alasan fundamental yang kukuh untuk bergerak naik," kata beliau.

Beliau meletakkan tahap sokongan pasaran pada 640 dan halangan pada 760.

Secara keseluruhan, beliau berkata trend pasaran adalah positif dan jika berlakunya sebarang penurunan, ia adalah disebabkan pengambilan untung ataupun penyusutan di Wall Street.

Bajet 2004 dijadual dibentangkan pada 12 Sept, 2003 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga merupakan Menteri Kewangna.

Untuk minggu yang baru berakhir, Indeks Komposit merosot pada hari Selasa tetapi kembali kukuh untuk baki minggu urus niaga, mencecah paras tertinggi baru tahun ini iaitu 756.48 pada hari Jumaat.

BSKL ditutup pada hari Isnin sempena cuti sambutan Hari Kebangsaan.

Selepas mencatatkan keuntungan yang banyak pada hari Rabu, aktiviti-aktiviti pengambilan untung muncul pada hari Khamis dan Jumaat untuk saham-saham berharga murah. Bagaimanapun, minat kukuh ke atas kaunter mewah berjaya menyelamatkan keadaan.

Berdasarkan kepada perbandingan Jumaat-Jumaat, Indeks Komposit meningkat 13.18 mata kepada 756.48 daripada 743.30 pada hujung hari urus niaga.

Indeks Emas menambah 1.27 mata kepada 186.22 daripada 184.95 tetapi Indeks Papan Kedua susut 4.51 mata kepada 117.18 berbanding 121.69 sebelumnya.

Indeks Perusahaan naik 46.08 mata kepada 1,683.96 berbanding 1,637.88,

Indeks Mesdaq turun 11.43 mata kepada 149.79 daripada 161.22 dan Indeks Kewangan menokok 38.56 mata kepada 6,239.39 daripada 6,200.83 sebelumnya.

Jumlah dagangan mingguan di Papan Utama susut kepada 1.530 bilion saham bernilai RM3.043 bilion daripada 2.373 bilion saham bernilai RM3.745 bilion sebelumnya.

Jumlah dagangan di Papan Kedua pula berkurangan kepada 434.831 juta saham bernilai RM591.549 juta daripada 941.834 juta saham bernilai RM1.511 bilion.

Jumlah dagangan pasaran MESDAQ turun kepada 358.668 juta saham bernilai RM216.101 juta daripada 778.102 juta saham bernilai RM494.490 juta.

Jumlah dagangan luar pasaran merosot kepada 340.401 juta bernilai pada RM758.881 juta daripada 582.939 bilion saham bernilai RM737.797 juta.

Untuk senarai 10 kaunter paling aktif, Hiap Teck susut 2.5 sen kepada 65.5 sen, Iris Corporation turun dua sen kepada 37.5 sen, MCM Technologies merosot 5.5 sen kepada 46 sen, Kai Peng menokok satu sen kepada RM1.06, Salcon susut 14 sen kepada RM2.17.

Premium Nutrients susut 2.5 sen kepada 48.5 sen, Furqan Business Organisation menambah setengah sen kepada 39.5 sen, Amcorp naik satu sen kepada RM1.19, Willowglen MSC susut 1.5 sen kepada 33.5 sen dan Three A Resources merosot tiga sen kepada 34.5 sen.

Dari segi jumlah, Hiap Tech mengurusniagakan 98.100 juta saham, Iris 90.451 juta saham, MCM Technologies 57.332 juta saham, Kai Peng 52.619 juta saham dan Salcon 47.653 juta saham.

Premium Nutrients 42.870 juta saham, Furqan Business 41.703 juta saham, Amcorp 40.237 juta saham, Willowglen MSC 39.873 juta saham dan Three A Resources 33.996 juta saham.

Berdasarkan sektoral, produk pengguna menguasai 40.476 juta saham yang diniagakan di Papan Utama, produk perindustrian 272.106 juta, pembinaan 92.696 juta, urus niaga/perkhidmatan 369.541 juta, teknologi 10.206 juta, infrastruktur 29.353 juta, kewangan 197.127 juta, perhotelan 21.801 juta, hartanah 236.191 juta, perladangan 26.830 juta, perlombongan 246,600, amanah 406,100, dana tertutup 1.255 juta, Syarat PN4 21.184 juta, pinjaman 13.517 juta, TSR/Warant 195.145 juta, TSR/Waran (PN4) 34,000 dan hak 1.973 juta. -- BERNAMA

SM SD AA